

**FIQH MEDIK** (Cetakan Ketiga).. Oleh Dr Zaharuddin Abdul Rahman. 2017. Penerbit PTS. Batu Caves: Selangor. ISBN 978-967-411-638-5, hlmn 181.

Buku Fiqh Medik yang dikarang oleh Dr Zaharuddin Abdul Rahman ini adalah sebuah buku yang membincangkan tentang ulasan dan huraian secara ringkas dan padat terhadap sebahagian permasalahan berkaitan medik. Walaupun isu yang dibincangkan bersifat ilmiah namun formatnya disusun secara separa ilmiah di mana sebahagiannya mempunyai sumber-sumber rujukan yang lengkap manakala sebahagian yang lain tidak. Hal ini menyebabkan buku ini mudah dibaca oleh masyarakat awam.

Bagi memahami dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah dalam seluruh aspek kehidupan adalah satu usaha yang cukup mencabar apatah lagi mengamalkannya. Antara isu yang kerap menjadi cabaran bagi ilmuan Islam untuk mengupasnya adalah isu yang melibatkan perubatan moden dan juga kewangan. Ini berikutan ada perkara-perkara yang berlaku pada hari ini tidak terjadi pada masa silam dan masyarakat perlu diberi kefahaman kaedah untuk berhadapan dengan isu baharu berlandaskan syara'. Maka buku ini menjadi rujukan awal untuk memahami isu medik semasa.

Antara kekuatan asas buku ini ialah penulis memilih persoalan semasa yang dikemukakan oleh orang awam. Walaupun isinya ringkas, tetapi amat padat sebagai permulaan bagi memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam. Laras bahasa yang digunakan adalah laras agama dan sesuai untuk bacaan umum kerana mudah difahami. Seseengah perkataan khas dalam fiqh diterangkan secara ringkas supaya memudahkan pembaca memahami perkara yang dibincangkan. Dalil-dalil al-Qur'an dan hadis serta pendapat ulama dan fatwa yang dimasukkan menjadi sandaran kukuh bagi merujuk tentang sesuatu isu yang dibincangkan. Jenis tulisan dan saiz tulisan yang digunakan bersesuaian dengan buku selain kertas yang digunakan berkualiti dan tidak berat untuk dibawa ke mana-mana. Kulit muka hadapannya memaparkan tajuk serta foto penulis dan beberapa gambar berkaitan rawatan dan perubatan juga adalah menarik dan tidak berlebihan. Susun atur penulisannya kemas dan setiap bab baharu akan dimulakan pada halaman yang baharu.

Secara keseluruhannya, buku Fiqh Medik ini mengandungi 18 bab. Setiap bab memberi perhatian kepada satu isu sahaja. Dalam bab 1 penulis membincangkan tentang etika dan had batasan dalam interaksi antara perawat dan pesakit dalam perawatan. Tajuk ini dapat membuka mata para pembaca bahawa ada had dan batas yang perlu diambilkira dalam urusan perawatan pesakit mengikut pandangan imam yang empat. Selain menulis tentang sifat seorang doktor muslim, penulis juga menerangkan tentang hukum-hukum kedokteran dan aurat pesakit, serta darurat dan penjelasannya. Maka ia dapat memberi gambaran awal kepada kedua-dua pihak iaitu perawat dan pesakit supaya faham batas-batas yang perlu dijaga dalam urusan perawatan antara keduanya.

Dalam bab 2 pula penulis menerangkan hukum penggunaan benda-benda haram dalam perubatan dan konsep *istihalah*. Penulis menerangkan tentang definisi dan pembahagian *istihalah*. Selain itu, penulis turut memuatkan fatwa kebangsaan serta antarabangsa berkaitan pengambilan bahan-bahan tertentu dalam perubatan. Kaedah fiqh *الأصلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ* “asal sesuatu perkara adalah harus sehingga ada dalil yang menunjukkan keharamannya” diterangkan dalam bab ini. Kaedah ini digunakan secara meluas dalam kalangan ulama mazhab Syafie. Bab ini turut menyentuh tentang konsep *darurat, hajiyyat* dan garis panduan berkaitan isu ini.

Sebagai muslim, doa merupakan salah satu rawatan penyakit. Dalam bab 3 buku ini, penulis berkongsi beberapa doa asas yang diambil daripada buku *tib an-nabawi* yang diambil daripada hadis yang boleh dijadikan amalan ketika ditimpa apa-apa penyakit. selain kemudian mendapatkan rawatan lanjut di hospital. Antara doa yang dimasukkan termasuklah doa menghindari mudarat serta doa yang perlu dibaca bagi mendoakan pesakit yang diziarahi.

Dalam bab 4 buku ini penulis mengupas ringkas *brain death*( mati otak), derma organ dan pengguguran. Pendirian para ulama Islam dan hukum berkaitan isu *brain death* dikemukakan sebagai panduan kepada pembaca. Ini dapat memberi kefahaman awal kepada pesakit mahupun waris untuk membuat apa-apa keputusan bagi pihak pesakit. Hal berkaitan derma organ dari fatwa *majma'* dan hukum berkaitan menggugurkan janin dalam keadaan yang berbeza turut dibincangkan di mana menderma organ antara perkara yang masih asing dalam kalangan masyarakat. Selain itu hukum larangan dan keharusan untuk menggugurkan janin dibincangkan dengan disertakan keadaan-keadaan yang memudahkan pembaca memahami asasnya jika terpaksa berhadapan dengan situasi tersebut.

Tajuk kesembuhan daripada jampi dan harga naik pada bab 5 menjelaskan isu mengkomersialkan air yang dibacakan dengan ayat-ayat al-Qur'an. Keadaan ini berkembang kepada bahan lain seperti minyak wangi, makanan dan lain-lainnya. Selain itu, semakin banyak produk yang dikeluarkan secara komersial dan ditandai sebagai makanan sunnah tetapi sunnah bagaimana Rasulullah SAW menjaga kesihatan dan pemakanan baginda tidak diketengahkan. Hal ini membuka ruang fitnah kepada al-Quran sehingga diperdagangkan sedemikian rupa yang semestinya bukan fungsi sebenar al-Quran diturunkan oleh Allah SWT.

Bab 6 adalah satu bab yang sangat hampir dengan perkara yang sedang hangat diperkatakan pada masa kini iaitu tentang penyakit berjangkit, bagaimana sikap kita dan panduan Islam. Walaupun wabak Corona Virus(Covid-19) belum wujud ketika buku ini ditulis, tetapi ia dapat memberi panduan umum kepada kita kaedah untuk mendepani situasi sekarang. Pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard(SOP) seperti yang ada sekarang dan perintah kuarantin bagi yang mengalami gejala dan jangkitan adalah antara tindakan yang berwajib bagi memutuskan rantaian jangkitan sesuai dengan tuntutan syara'.

Kemajuan teknologi telah membawa kepada penemuan baharu dalam perubatan termasuk dalam rawatan kosmetik seperti botox, susuk dan *braces*(pendakap gigi). Ringkasan hukum tentang tiga kaedah ini dibincangkan secara ringkas dalam bab 7 di mana panduan umumnya diberikan sebagai panduan agar para pembaca tidak tersilap langkah semata-mata inginkan kecantikan luaran sehingga mengeneipkan hukum serta soal keselamatan.

Vaksin untuk jemaah haji dan keraguan tentangnya dibincangkan dalam bab 8 menghuraikan keterangan ataupun hujah berkaitan isu ini. Penulis menggesa supaya fatwa tentang hal ini dikaji semula oleh pihak Majlis Fatwa Kebangsaan bagi mengambilkira penemuan baharu dari semasa ke semasa yang bebas dari sumber haram atau syubhah. Kupasan ini mampu membuka minda pembaca dalam memahami isu pengambilan vaksin bagi tujuan perlindungan diri dari pelbagai penyakit.

Bab 9 pula membincangkan hukum pembedahan batin yang didakwa oleh sesetengah perawat. Kesimpulan daripada bab ini adalah penulis menggesa masyarakat Islam meninggalkan rawatan syubhah seperti pembedahan batin dan kembali kepada perawatan Islam (*tibb al-nabawi*) seperti doa syifa' dan mengamalkan doa ma'thur serta mendapatkan rawatan alopati yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

Pengisian buku bertambah dekat dengan pembaca apabila penulis menerangkan tentang beberapa isu perubatan dan status puasa dalam bab 10. Persoalan yang sering menjadi perbualan orang awam tentang isu perubatan berkaitan puasa dijelaskan secara ringkas dan padat. Hal ini memberi panduan kepada orang awam dalam mendapatkan rawatan semasa berpuasa dan hukum asas ketika puasa. Dalam nota hujung bab ini penulis menyenaraikan rujukan yang digunakan di mana ini memberi nilai tambah kepada para pembaca untuk mengikuti dengan lebih lanjut tentang sesuatu isu yang terdapat dalam bahan rujukan yang disenaraikan.

Bab 11 pula khusus berkenaan hukum mewarnakan uban dengan warna hitam dengan bahan yang disahkan halal. Ia antara bab yang ringkas dan perlu membuat rujukan lanjut. Walau bagaimanapun, penulis telah memberi sumber rujukan di bahagian nota kaki untuk rujukan lanjut para pembaca.

Bab 12 menyentuh isu sebaran gambar mayat. Perkara ini amat sesuai dibincangkan dengan keadaan semasa yang terdedah dengan teknologi dan penggunaan peranti canggih. Penyebaran gambar mayat boleh mengaibkan si mati atau waris dan dikira sebagai membuka dan mendedahkan rahsia orang lain yang tidak diizinkan oleh Islam. Penulis turut memberi nasihat supaya bagi yang pernah terlibat menyebarkan gambar mayat melalui ruangan media sosial wajiblah bertindak memadamkannya serta bertaubat dan meminta maaf kepada waris si mati. Bab 13 pula berkenaan hukum berkhitan bagi lelaki dan wanita. Hukum Islam dan pandangan ulama kontemporari dibincangkan di mana kebanyakannya bersepakat menyatakan tiada dalil yang sahih berkenaan hukum berkhitan bagi wanita dan khitan hanya diwajibkan kepada lelaki sahaja. Pendapat pakar perubatan juga diambil bagi melihat isu ini dari sudut kesihatan di mana mereka menyarankan untuk memotong sedikit *isyam* demi menjaga maruah dan kehormatan wanita dan kewanitaannya.

Dalam bab ke 14 penulis membawakan isu kayu koka. Suatu masa dahulu kayu koka pernah menjadi sebutan masyarakat kerana kononnya dikatakan kayu koka boleh menjadi penghadang daripada jin dan syaitan, menyembuhkan penyakit serta membuat pemilikinya murah rezeki. Penulis menegaskan pendapatnya pada halaman 144 seperti berikut:

“Pada saya semua yang dikaitkan dengan kuasa makhluk-makhluk “madi” seperti kayu, batu dan sebagainya yang dikaitkan dengan memberi bekas, kecelakaan ataupun kemanfaatan, ini adalah yang dilarang oleh Islam.”

Masalah onani, kesihatan dan hukum berkaitan dibincangkan oleh penulis pada bab 15. Masalah ini berpunca daripada sindrom lemah kawalan nafsu dalam kalangan manusia. Penulis telah berkongsi kesimpulan pandangan terkuat oleh pelbagai kumpulan ulama mendapati bahawa hukum onani adalah sesuatu perbuatan yang haram kerana melepaskan nafsu bukan pada tempatnya adalah satu tegahan daripada Allah SWT. Tambahan lagi ia boleh memberi kesan kepada kehidupan seksual dalam berumahtangga seperti boleh menyebabkan mandul.

Bab ke 16 pula penulis membincangkan tentang tempoh berapa lama waris perlu tunggu berita kehilangan ataupun kematian yang belum pasti. Perbincangan diambil dari pandangan beberapa mazhab dan turut menyentuh ijtihad silam dan moden. Keputusan al-Majma' Al-Fiqh al-Islami di bawah Rabitah al-'alam Al-Islami dalam persidangan yang ke-21 di Mekah telah memutuskan beberapa hal tentang tempoh penantian orang hilang. Pertama, hendaklah ditunggu yang hilang tidak dihukum sebagai mati jika tiada bukti tidak kurang dari satu tahun

dan tidak lebih dari empat tahun dari tarikh hilangnya. Yang kedua pula selepas tempoh(penantian), qadhi boleh memutuskan bahawa orang yang hilang sudah meninggal dan boleh dibahagi-bahagikan harta peninggalannya(menurut faraid) dan bermulalah iddah isterinya. Manakala hal yang ketiga bagi seorang isteri, jika mempunyai mudarat disebabkan tempoh penantian suaminya yang hilang,dibolehkan membawa kesnya kepada qadhi bagi memohon pemisahan dengan suaminya yang hilang(lebih cepat dari tempoh satu tahun).

Berikutnya dalam bab ke-17 berkaitan syahwat gelap dan mengubatinya. Dalam bab ini penulis memberi beberapa panduan untuk mengekang nafsu iaitu mengukuhkan azam untuk berubah, mengenalpasti sumber dan punca yang boleh membiakkan kekuatan nafsu supaya segera dapat dicantas dan mengenalpasti cara, suasana, tempat dan individu yang boleh menarik kepada kelupaan nafsu. Jadi tiga asas ini amat penting dalam menjayakan misi mengekang nafsu syahwat.

Bab terakhir iaitu yang ke-18 membincangkan tentang penyakit 'ain,misterinya dan perubatannya. Penyakit yang datang daripada 'ain(mata) adalah benar. Aisyah RA menyatakan bahawa Rasulullah SAW mengarahkannya untuk berlindung daripada penyakit 'ain dengan bacaan tertentu. Penulis juga berkongsi cara mengubati penyakit 'ain menurut sumber daripada hadis iaitu 5 cara. Pertama, perlu memanggil orang yang menjadi penyebab utama sakit 'ain sekiranya diketahui. Orang itu perlu mandi kemudian air mandiannya diambil dan dimandikan ke seluruh tubuh badan orang yang terkena 'ain. Cara yang kedua adalah menyebut dan mendoakan individu yang dikagumi dengan lafaz *tabarakallah* ataupun *barakallahufik*. Pesakit juga perlu merujuk kepada hospital dan doktor yang sesuai bagi mengenalpasti jenis sakit yang dialami dan diberikan perubatan yang sesuai. Kaedah yang keempat berusaha dengan doa-doa kesembuhan yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW dan yang kelima jangan terlalu memuji dan menyanjung seseorang. Kembalikan kekaguman itu kepada Allah SWT.

Walaupun buku ini baik untuk dijadikan bacaan, tetapi pengulas mencadangkan beberapa perkara yang boleh ditambahbaik sekiranya penulis atau penulis lain berminat untuk menulis tentang isu yang sama. Cadangan pertama ialah penulis disarankan memasukkan ilustrasi,rajah, atau gambar yang bersesuaian tajuk yang dibincangkan. Sebagai contoh, pada bab 1 berkaitan etika dan had batasan antara perawat dan pesakit penulis dicadangkan memasukkan gambar situasi di bilik rawatan yang terdiri daripada perawat lelaki dan pesakit wanita yang ditemani oleh jururawat wanita atau mahram kepada wanita tersebut. Ini berikutan sebahagian pembaca bersifat visual dan mudah tertarik dengan ilustrasi dan gambar untuk meneruskan pembacaan. Cadangan kedua pengulas, buku juga perlu disertakan kod QR untuk pembaca mencari rujukan tambahan bagi isu ringkas yang dibincangkan. Selain itu sejajar dengan perkembangan teknologi dicadangkan buku seperti ini ditawarkan dalam aplikasi dan dapat dibaca melalui capaian buku dalam talian (e-book) supaya lebih ramai yang mendapat manfaat.

Pengulas juga mencadangkan supaya buku sebegini mengandungi statistik hasil kajian atau tinjauan yang telah dilakukan tentang sesuatu isu. Dalam bab 4 isu berkaitan pengguguran misalnya, pengulas mencadangkan supaya dimasukkan laporan statistik pengguguran dan sebab kepada pengguguran tersebut yang dilaporkan telah berlaku dalam tempoh masa tertentu. Ini bagi menjelaskan kepada pembaca sejauh mana pengguguran diharuskan oleh syara' dan sebab-sebab yang melarang pengguguran dalam Islam. Sekiranya laporan akhbar tentang salah laku pengguguran dimasukkan sedikit-sebanyak dapat memberi kesedaran kepada pembaca bahawa isu ini tidak boleh dipandang ringan.

Beberapa cadangan isu yang turut boleh diketengahkan ialah berkaitan bendalir badan seperti muntah, darah dan najis. Isu seperti penggunaan beg atau kantung yang membawa najis dan isu *taharah* yang perlu dijelaskan kepada pesakit dan penjaga kepada pesakit supaya ia tidak menjadi sebab sehingga pesakit tidak mendirikan solat atau solatnya tidak sah atas kecuaiannya berkisar hal ini. Selain itu pengulas juga mencadangkan isu berkaitan rawatan kesuburan dan pencegahan kehamilan turut dimasukkan dalam buku berkaitan isu fiqh medik. Isu ini perlu diberi penjelasan dari sudut agama dan kesihatan supaya pengguna tidak ragu-ragu atau tersilap dalam membuat keputusan berkaitan hal ini. Akhir sekali, satu bab bonus dicadangkan ditulis berkaitan sunnah Rasulullah SAW dalam menjaga kesihatan dan pemakanan baginda. Ini penting bagi memberi motivasi kepada pembaca supaya menjaga kesihatan dan pemakanan sebagai langkah awal mencegah penyakit mengikut tauladan yang telah ditunjukkan Rasulullah SAW sepanjang hayatnya.

Dari satu sudut yang lain, pengulas juga mencadangkan supaya lebih ramai tokoh dalam bidang ini tampil memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat tentang isu fiqh medik. Selain daripada usaha mengadakan kempen dan penerangan secara atas talian, penulisan seperti ini dapat memberi ilmu, kesedaran serta pencegahan kepada pembaca berkaitan isu fiqh medik yang dihadapi. Kepelbagaian gaya dalam penulisan isu sebegini juga perlu diraikan. Sebagai contoh penulisan berbentuk novel seperti *Denyut Kasih Medik* tulisan Dr Farhan Hadi adalah salah satu gaya yang boleh diketengahkan oleh penulis masa kini. Walaubagaimanapun penulis yang tiada latar belakang medik atau fiqh dicadangkan membuat perancangan rapi sebelum memulakan penulisan termasuk bergabung dengan pakar dalam bidang medik atau fiqh.

Kesimpulannya, buku ini adalah sebuah buku yang membuka minda pembaca untuk ambil cakna berkenaan fiqh medik. Ini berikutan dengan perkembangan teknologi dan reka cipta terkini pelbagai isu baharu timbul dan mendatangkan tanda tanya kepada orang awam. Kefahaman tentang asas berkaitan fiqh medik ini perlu disebarikan supaya orang awam lebih berhati-hati dalam mengambil apa-apa rawatan dan keputusan dalam perubatan supaya tidak terjatuh dalam perkara syubhah mahupun haram. Antara cabaran yang dihadapi dalam mendepani isu semasa fiqh termasuklah membuang unsur tahyul dan kurafat yang ada dalam amalan perawatan alternatif. Selain itu, bagi yang mengambil rawatan alopatis pula, kaedah serta bahan yang digunakan perlu diperhalusi supaya perawatan yang dijalankan diredai Allah SWT. Rawat cara nabi mengikut kaedah terkini dapat difahami sebagai tidak meninggalkan sunnah dalam hal berubat dan merawat. Ironinya, setiap penyakit yang diberi oleh Allah SWT ada penawarnya. Justeru, menjadi kewajipan seorang mukmin untuk mencari penawar yang bertepatan dengan asas akidah, syara' dan akhlak Islam.

**Siti Rashidah Binti Abd Razak**

Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,

Pusat Pengajian Teras,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).